

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN  
PADA 6 MEI 2011  
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daud Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku  
Pendaftar UniMAP

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang berbahagia ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

**Ladies and gentlemen,**

The month of May is not just about celebrating Labour Day.

It's the month of Harumanis, the iconic mango from the state of Perlis. For those who have not tried the sweetness of its taste, please find time to indulge yourselves in the goodness of its kind. This mouthwatering mango is only found here in Perlis and it is the most awaited season not only for the locals but also throughout the country. Apart from the Harumanis, we are also celebrating the **68th Birthday of His Royal Highness The King of Perlis** on the 17 May 2011. There will be events lining up for us to be part of this annual celebration.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sedar tak sedar telah lima bulan kita berada di tahun 2011 ini dan seperti mana yang kita tahu, Mei merupakan bulan yang ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh rakyat Perlis malahan pengujung dari luar. Ini kerana pada bulan ini, merupakan musim Harumanis yang menjadi ikon negeri Perlis. Harumanis hanya berbuah sekali setahun dan rasanya sungguh enak. Bagi staf saya yang bukan dari negeri Perlis janganlah ketinggalan untuk merasai kenikmatan buah ini. Baunya yang harum pasti menggamit hati untuk mencubanya.

Selain itu, kita juga bakal menyambut Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis ke-68 pada 17 Mei ini. UniMAP juga tidak mahu ketinggalan untuk turut serta dalam memeriahkan sambutan ini dimana kita turut sama terlibat dengan penganjuran program-program yang telah diputuskan kerajaan negeri.

Hadirin sekalian

Mungkin ramai yang telah mendengar berita mengenai kebakaran yang berlaku di Kabin Juruteknik Komputer dan Kabin Peralatan Rangkaian Telekomunikasi Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UniMAP baru-baru ini.

Kebakaran tersebut telah menyebabkan sistem perkhidmatan rangkaian internet di UniMAP lumpuh sama sekali dan jumlah kerugian dianggarkan mencecah sebanyak RM 1.5 juta kerana ianya melibatkan peralatan Network Termination Unit, Router dan Switch yang mahal harganya.

Saya telah dimaklumkan oleh Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, En. Nasrudin Abdul Shukor, bahawa kita telah menempah set Router yang baharu dan InsyaAllah akan sampai pada Isnin ini dan sistem rangkaian internet kita akan kembali pulih seperti biasa.

Hadirin sekalian,

Di sini kita dapat melihat betapa pentingnya Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam memastikan perjalanan kerja di UniMAP berjalan lancar. Saya amat berterima kasih kepada semua staf Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang telah bertungkus lumus berusaha untuk memastikan perkhidmatan internet kembali beroperasi dan saya berharap agar anda semua dapat bersabar buat sementara waktu ini.

Hadirin sekalian,

Kita tinggalkan seketika berita sedih tersebut dan di sini saya ingin memaklumkan bahawa Kejohanan Sukan Badan Berkanun Kali Ke-7 akan berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu pada 8 hingga 14 Mei ini. UniMAP menghantar Kontinjen seramai 143 orang termasuk atlit dan pegawai. Kita mengambil bahagian dalam lapan acara dari 20 acara yang dipertandingkan iaitu Bola Sepak 9 Sebelah Senior, Bowling Padang, Tenpin Bowling Lelaki dan Wanita, Futsal Lelaki dan Wanita, Badminton Campuran, Bola Tampar Pantai Lelaki Golf dan Sepak Takraw.

Pemilihan UniMAP untuk mengambil bahagian dalam lapan acara ini adalah kerana kita mampu untuk meraih pingat dalam kelapan-lapan acara ini. Pada penyertaan kali ini kita mensasarkan 4 Emas, 2 Perak dan 6 Gangsa bagi memperbaiki kedudukan ke-4 keseluruhan pada tahun lalu dengan kutipan 2 Emas, 1 Perak dan 3 Gangsa.

Saya difahamkan Fasa 1 Latihan Pusat Kontinjen UniMAP telah bermula sejak dari 21 Mac hingga 22 April lalu, manakala Fasa 2 bermula 25 April hingga 5 Mei 2011. Melihat kepada jadual latihan pusat ini, saya yakin kita mampu untuk membuat kejutan di UMT nanti sekaligus meningkatkan pencapaian kita nanti.

Ingatlah, dalam setiap pertandingan tidak kira melibatkan pasukan mahupun perseorangan komitmen, kerjasama dan semangat berpasukan amatlah penting dalam mencapai sesuatu kejayaan. Saya berharap para atlit yang bakal menyertai kejohanan ini akan mempamerkan sikap yang terbaik bagi merangkul kejayaan buat universiti yang kita sayangi ini.

Hadirin sekalian,

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk berkongsi satu berita baik bersama anda semua iaitu, Persatuan Badan Berkanun Malaysia telah sebulat suara memilih Universiti Malaysia Perlis sebagai Tuan Rumah Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Kali ke-9 pada 2013 ini.

Saya amat berbangga kerana kita telah diberi kepercayaan oleh Persatuan Badan Berkanun Malaysia untuk menganjurkan temasya sukan yang besar ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Merpati Bersarang Di Pohon Jati  
Jati Ditanam Di Hujung Kota  
Semangat Juang Sematkan Di Hati  
Memastikan Emas Genggaman Kita

Sekian,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.